

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**ZCT 207/2 - Mekanik Statistik**

Masa : 2 jam

---


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **EMPAT** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Takrifkan Teorem Pemetaan Sama. (10/100)
- (b) Suatu sistem gas unggul klasik mempunyai  $0.5 \times 10^{22}$  zarah dan mempunyai suhu  $65K$ . Hitungkan nilai tenaga sistem ini dengan teorem pemetaan sama. (30/100)
- (c) Satu sistem makroskopik terpencil bersuhu  $3000K$  menyerap *lima foton* (panjang gelombang foton ialah  $\lambda = 60 \text{ nm}$ ),
- Hitungkan perubahan entropi sistem ini. (30/100)
  - Hitungkan nisbah bilangan keadaan tercapai selepas penyerapan foton  $\Omega_f$ , terhadap bilangan keadaan tercapai sebelum foton diserap  $\Omega_i$ , iaitu  $\Omega_f/\Omega_i$ . (30/100)

[Diberi kelajuan cahaya  $c = 3 \times 10^8 \text{ m} \cdot \text{s}^{-1}$ , pemalar Planck  $h = 6.626 \times 10^{-34} \text{ J} \cdot \text{s}^{-1}$ , pemalar Boltzmann  $k_B = 1.38 \times 10^{-23} \text{ J} \cdot \text{K}^{-1}$ ].

2. (a) Huraikan ciri-ciri ensembel kanonik. (20/100)
- (b) Diberi satu bahan paramagnet dengan  $N$  zarah berspin  $\frac{1}{2}$  dikenakan satu medan magnet luar  $\mathbf{B}$ , seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1:



Rajah 1

- Terbitkan fungsi pemetaan bagi satu zarah di dalam bahan paramagnet ini dalam sebutan  $\mu$ ,  $B$  dan  $T$ . (20/100)
- Terbitkan kebarangkalian-kebarangkalian zarah ini menghala ke arah  $\mathbf{B}$  dan lawan arah  $\mathbf{B}$  dalam sebutan  $\mu$ ,  $B$  dan  $T$ . (10/100)

- (iii) Terbitkan nilai purata momen magnet zarah ini dengan menggunakan keputusan-keputusan di dalam (i) dan (ii).

(10/100)

- (iv) Terbitkan tenaga purata zarah ini dengan menggunakan keputusan-keputusan di atas.

(10/100)

- (v) Terbitkan tenaga dan pemagnetan sistem bahan paramagnet ini.

(10/100)

- (c) Diberi pada mulanya suhu dan kekuatan medan magnet luar bagi bahan paramagnet di dalam (b) ialah  $T = 0.8 \text{ Kelvin}$  dan  $B = 5 \text{ Tesla}$ .

Kemudian kekuatan medan magnet dikurangkan kepada  $0.005 \text{ Tesla}$  (dalam proses ini, sistem ini dipencilkkan). Hitungkan suhu bahan paramagnet pada  $B = 0.005 \text{ Tesla}$  ini.

(20/100)

3. (a) Huraikan ciri-ciri bagi

- |       |                     |          |
|-------|---------------------|----------|
| (i)   | Zarah-zarah klasik  | (15/100) |
| (ii)  | Zarah-zarah Boson   | (15/100) |
| (iii) | Zarah-zarah Fermion | (15/100) |

- (b) Diberi satu sistem yang terdiri daripada 2 zarah, dan sistem ini mempunyai 3 paras tenaga  $\epsilon$ ,  $3\epsilon$ ,  $5\epsilon$  bagi penghunian zarah-zarah di dalamnya. Sistem ini bersentuhan secara terma dengan satu takungan haba pada suhu  $T$ .

Lakarkan jadual penghunian setiap keadaan dalam sistem ini, dan kemudian dapatkan fungsi pemetaan sistem ini jika:

- |       |                                     |          |
|-------|-------------------------------------|----------|
| (i)   | Zarah-zarah ini ialah zarah KLASIK  | (20/100) |
| (ii)  | Zarah-zarah ini ialah zarah BOSON   | (20/100) |
| (iii) | Zarah-zarah ini ialah zarah FERMION | (15/100) |

4. (a) Huraikan secara ringkas pendekatan model Einstein dalam penentuan haba tentu pepejal  $C_V$ .

(15/100)

- (b) Huraikan secara ringkas pendekatan Teori Debye dalam penentuan haba tentu pepejal  $C_V$ .

(15/100)

- (c) Ungkapan tenaga suatu pepejal menurut teori Einstein ialah

$$E = 3N\hbar\omega \left\{ \frac{1}{2} + \frac{1}{\exp(\hbar\omega/k_B T) - 1} \right\}$$

yang mana  $\omega$  ialah frekuensi sudut dan  $k_B$  ialah pemalar Boltzmann. Dengan menggunakan  $E$  ini,

- (i) Terbitkan ungkapan  $C_V$  bagi pepejal itu. (30/100)
- (ii) Dapatkan ungkapan ataupun nilai  $C_V$  bagi pepejal itu pada suhu tinggi. (15/100)
- (iii) Dapatkan ungkapan ataupun nilai  $C_V$  bagi pepejal itu pada suhu rendah. (15/100)
- (iv) Lakarkan graf  $C_V$  bagi pepejal itu terhadap perubahan suhu. (10/100)

- ooo O ooo -